

UTUSAN MALAYSIA  
08/06/2015

# Air zam zam, habbatus sauda atasi ketagihan opiat?

Oleh ROSALINDA MD.SAID

utusan@utusan.com.my

■ KUALA NERUS 8 JUN

**K**HASIAT yang terdapat dalam air zamzam dan biji habbatus sauda dipercayai boleh dijadikan sebagai terapi gantikan metadon bagi mengatasi masalah ketagihan dadah jenis opiat.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman berkata, penemuan itu diperoleh hasil kajian sekumpulan penyelidik institusi berkenaan menerusi Skim Geran Penyelidik Nic Kementerian Pendidikan (NRGS-KPM).

Katanya, ketika ini kajian lanjut berhubung kaedah itu sedang dijalankan di makmal bagi mengenal pasti dos yang bersesuaian untuk menggantikan peranan metadon.

"Sebelum ini penagih opiat bergantung sepenuhnya kepada metadon, bagaimanapun melalui kajian holistik yang menggabungkan kaedah spiritual serta pemarkanan ini, diharap dapat membantu penagih opiat terutama di negeri ini.

"Untuk makluman, perawatan awal menggunakan air zamzam dan habbatus sauda sudah dilakukan ke atas 250 responden yang terdiri daripada penagih opiat di Penjara Marang, dan didapati terdapat kesan positif ke atas mereka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar Persidangan Antarabangsa Ketagihan Sains (ICAS) 2015 yang dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Datuk Muhammad Pehimi Yusof di UniSZA di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad.

Persidangan kali kedua yang dihadiri 60 peserta termasuk dari Indonesia, Thailand,

Nigeria dan Palestin itu memfokuskan hala tuju penyelidikan mengenai sebarang bentuk penyalahgunaan serta ketagihan sesuatu bahan yang memudaratkan di peringkat Asia Tenggara.

Menurut Mohd. Ekhwan, kajian selama lima tahun itu akan berakhir pada 2017 dan selain penghasilan terapi gantikan metadon, pihaknya akan mengeluarkan satu modul khas berkaitan yang akan dikenali sebagai i-Kasih serta pembinaan model dan indeks kualiti hidup Islam (i-QoL) bagi mengukur tahap kualiti hidup penagih dan keluarga sebelum dan selepas menerima rawatan.

Katanya, apabila berjaya kelak, rawatan alternatif untuk penagih opiat itu akan diperluaskan ke seluruh negara.

Sementara itu, Muhammad Pehimi berkata, penemuan baharu itu merupakan kejayaan awal pihak universiti dalam mengurangkan masalah ketagihan.